

Pendirian Anwar serlah keterbukaan depani kritikan, kecaman dalaman

BERITA HARIAN 20 JUL 2025 m/s: 7

ANALISIS

Oleh
Mohd
Nasaruddin
Parzi

blnews@bh.com.my



Pendirian Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak berhasrat mengambil sebarang tindakan ke atas beberapa Ahli Parlimen parti berkenaan yang berbeza pandangan dengan beliau dan parti, membabitkan beberapa isu termasuk yang terbaharu berkaitan pelantikan Ketua Hakim Negara, menunjukkan sikap keterbukaan dan jiwa besar Presiden PKR itu.

Sikap sebegini wajar dipuji. Ia langkah tepat dalam mengelak PKR terus berada di kancang perpecahan yang teruk seperti yang pernah berlaku pada tahun sebelumnya.

Ia juga menyedarkan Anwar yang kini memimpin kerajaan bahawa sebarang perpecahan yang berlaku kesan daripada persengketaan dalam pemilihan partinya akan menjejaskan kredibilitinya dalam Kerajaan Perpaduan, bahkan lebih dibimbangi boleh menggugat kedudukan beliau sebagai Perdana Menteri.

PKR tak boleh lagi dilanda perpecahan serius. Parti itu kini sedang memimpin kerajaan. Sudah tentu, episod perbalahan dan keretakan dalam parti yang wujud sebelum ini jika berulang

tidak akan mampu menguatkan mereka, apatah lagi menumpu tekad untuk membina kekuatan bagi mendepani Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16) yang hanya berbaki kira-kira dua tahun lagi.

Seperti diketahui umum, sengketa berlaku membabitkan beberapa pemimpin PKR yang berterusan hingga hari ini, berakar daripada rentetan pertembungan beberapa kumpulan mereka pada pemilihan parti awal tahun ini.

Satu kem dipimpin bekas Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Rafizi Ramli. Sementara satu kumpulan lagi adalah sekelompok pemimpin yang mempunyai pengaruh kuat sebagai penggerak kepada perjalanan politik Anwar hari ini. Kumpulan ini yang dikaitkan dengan 'kempen' pencalonan Nurul Izzah Anwar untuk bertanding Timbalan Presiden PKR pada pemilihan lalu.

Di pentas ceramah, Rafizi ketika menggerakkan kempen Jelajah Hidupkan Idealisme Reformasi Dalam Ujian Kuasa (HIRUK), acap kali menyebut beberapa nama pemimpin PKR yang dikaitkan dan didakwanya sedang mencatur kedudukan dalam PKR serta kerajaan.

Ahli Parlimen Pandan ini serta kumpulannya juga jarang menyerang Anwar sejak hari pertama kempen HIRUK, sehinggalah pasca pemilihannya. Tapi jika diamati dengan dekat dan teliti, serangan itu bertumpu dan lebih disasarkan kepada sesetengah

sosok pemimpin dalam PKR.

Malah, dalam rancangan audio siar *Yang Berhenti Menteri* yang dibuat Rafizi sebelum ini, beliau mengambil pendirian mempertahankan Anwar sebagai Perdana Menteri dengan meminta Ahli Parlimen Tambun itu terus diberi peluang memimpin kerajaan hingga habis penggalnya.

Baginya, biarpun wujud permasalahan yang mungkin berlaku dalam pentadbiran parti dan kerajaan hari ini, apatah lagi ia dipayungi oleh 18 parti politik yang berbagai ideologi ini, tapi kestabilan kerajaan pada wajar menjadi keutamaan dan terus kekal sehingga akhir penggal.

Fokus selesai isu negara

Ini bagi membolehkan Perdana Menteri dan pasukan Kabinetnya memberi tumpuan menyelesaikan isu mendesak dihadapi negara seperti kesan tarif timbal balas Amerika Syarikat (AS) serta cabaran ekonomi yang semakin kompleks, berbanding bergelut dengan masalah perebutan kuasa yang tak sudah-sudah.

Sikap lantang Rafizi dan kumpulannya yang tegar bersuara tanpa henti sejak sebelum fasa pemilihan lagi mungkin sedikit membangkitkan rasa kurang senang dalam kalangan segelintir pemimpin utama PKR.

Namun sejak pemilihan parti itu berakhir, tidak ada juga laporan yang dikemuka mana-mana cabang PKR di setiap negeri

kepada jawatankuasa disiplin parti mengenai sebarang salah laku disiplin Rafizi dan kumpulannya, termasuk isu kritikan pedas yang dilontarkan mereka selama ini.

Biarpun wujud gesaan daripada 11 Ketua Cabang PKR Kedah dan 19 Ketua Cabang Johor supaya sembilan Ahli Parlimen dipimpin Rafizi digantung keahliannya kerana dilihat melanggar batas disiplin parti serta bercanggah dengan Kod Tataetika Anggota PKR di bawah Perlembagaan 10.1 dan 10.2, namun pendirian tuntas Anwar ini dijangka akan mempengaruhi pendirian Majlis Pimpinan Pusat (MPP) yang akan bermesyuarat dalam tempoh terdekat ini.

Pada masa sama menunjukkan cadangan beberapa ketua cabang PKR yang menggesa penggantungan ke atas Rafizi dan beberapa Ahli Parlimen yang bersamanya, bukanlah satu langkah wajar serta menguntungkan PKR.

Seperti dijelaskan veteran PKR yang juga Ahli Parlimen Pasir Gudang, Hassan Abdul Karim, tindakan penggantungan itu jika berlaku hanya akan memburukkan lagi keadaan serta menggugat perpaduan parti.

"PKR perlu menghormati hak mereka untuk berbeza pandangan atau cadangan yang diberikan dengan mengkritik kerajaan," katanya dalam reaksi susulan cadangan penggantungan itu sebelum ini.

Seperti disebut penganalisis

politik dari Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr Sivamurugan Pandian, sebelum ini juga, pasca pemilihan PKR, meletakkan tanggungjawab besar kepada Anwar untuk melaksanakan proses pendamaian dalam kalangan kepimpinan tertinggi parti hingga anggota di peringkat cabang.

Justeru, masanya tiba untuk PKR mengelak daripada sebarang tindakan serta peri laku yang boleh memecahbelahkan mereka. Persengketaan yang terjadi dalam parti perlu dilekaskan segera, supaya semua kumpulan dalam parti itu boleh menumpu fokus membantu Anwar dalam parti dan kerajaan.

Anwar sudah membuktikan beliau kebal dengan segala kritikan dan hinaan, termasuk dari luar dan dalam partinya sendiri, namun kini sosok pemimpin yang sudah menjangkau usia 77 tahun ini juga diharapkan ruang perlu diberi kepadanya untuk membuktikan prestasi sebenar dalam memimpin kerajaan.

Ini termasuk komitmennya untuk melaksana reformasi institusi yang sebenarnya sudah pun bermula dan berjalan, dengan beberapa pencapaian sudah kelihatan termasuk kelulusan pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi menguatkuasa semula Akta Perkhidmatan Parlimen 2025 bagi menjadikan Parlimen dapat melaksanakan fungsi perlembagaannya secara bebas.